

**PELARIAN VIETNAM DAN PENGARUHNYA  
DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-AMERIKA SYARIKAT (AS),  
1975-1990-AN**

***Vietnamese Refugees and Its Impact on Malaysia-United States (US)  
Relations, 1975- 1990's***

\*ASZLAN SELAMAT

Centre of Foundation Studies, Wawasan Open University.

Corresponding author: \*aszlanselamat@gmail.com

Dihantar: 3 Feb 2022, Penambahbaikan: 20 Mei 2022, Diterima: 2 Jun 2022, Terbit: 28 Jun 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.vi.3549>

**Abstrak** Artikel ini membincangkan pengaruh isu pelarian Vietnam di Malaysia dalam hubungan Malaysia-Amerika Syarikat (AS) dari tahun 1975 hingga 1990-an. Artikel ini turut menyentuh peranan media khususnya laporan surat khabar dalam mencorakkan hubungan kedua-dua buah negara. Isu pelarian Vietnam di Malaysia bermula selepas kekalahan AS dalam perang Vietnam pada tahun 1975. Hal ini menyebabkan kejatuhan kerajaan Demokratik Vietnam Selatan yang kemudiannya dikuasai oleh kerajaan Komunis Vietnam Utara. Layanan yang teruk oleh kerajaan Komunis Vietnam telah menyebabkan ramai rakyatnya melarikan diri dan meninggalkan negara tersebut. Sebilangan besar telah menuju dan mendarat di Malaysia. Oleh itu, AS memohon kepada Kerajaan Malaysia agar memberi perlindungan sementara kepada pelarian Vietnam sebelum diproses dan dipindahkan ke negara ketiga. Malaysia menerima permohonan AS dengan syarat kesemua pelarian Vietnam mesti diproses dan dipindahkan dengan segera. Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah iaitu penelitian ke atas data primer dan sekunder. Selain itu, sesi temu bual bersama Tun Dr Mahathir Mohamad turut diadakan bagi mendapatkan data yang tepat mengenai pengaruh isu pelarian Vietnam dalam hubungan Malaysia-AS. Berdasarkan analisis sejarah, didapati bahawa tuduhan yang dikenakan ke atas Malaysia terhadap pelarian Vietnam seperti menolak mereka kembali ke laut telah mengeruhkan hubungan Malaysia-AS. Tambahan pula, laporan surat khabar turut memainkan peranan mengapi-apikan isu ini sehingga Kongres AS mengambil keputusan menggantung bantuan ketenteraan kepada Malaysia dari tahun 1991 hingga 1993. Walau bagaimanapun,

Malaysia masih meneruskan usaha mengurus dan memberi layanan yang sewajarnya kepada pelarian Vietnam yang berada di Malaysia sebelum dihantar pulang dan dipindahkan ke negara ketiga.

**Kata kunci:** Pelarian Vietnam, Malaysia, Amerika Syarikat, laporan surat khabar.

*Abstract This article discusses the impact of Vietnamese refugee issue in Malaysia on the Malaysia-United States(US) relations from 1975 to the 1990's. This article also touches the role of the media especially the newspapers report in shaping the relations between both countries. The issue of Vietnamese refugees in Malaysia began after the US was defeated in the Vietnam war in 1975. This led to the collapse of the South Vietnamese Democratic government and was later controlled by the North Vietnamese Communist government. Poor treatment by the Vietnamese government had caused many of its people to leave the country. Most of them landed in Malaysia. The US had asked the Malaysian government to provide temporary refuge to Vietnamese refugees before they were processed and transferred to the third countries. Malaysia accepted US request with the condition that all Vietnamese refugees must be relocated immediately. This article used the historical research method on primary and secondary data. In addition, an interview with Tun Dr Mahathir Mohamad was also conducted to obtain accurate data on the impact of Vietnamese refugees on Malaysia-US relations. Based on historical analysis, it was found that the accusation of Malaysia's actions on Vietnamese refugees such as pushing them back to the sea had shaken Malaysia-US relations. In addition, newspaper reports also played a role in addressing the issue. Then, the US Congress decided to suspense military assistance to Malaysia from year 1991 to 1993. However, Malaysia continued its efforts to manage and provide appropriate treatment to Vietnamese refugees before deporting and transferring them to the third countries.*

**Keywords:** Vietnamese refugees, Malaysia, United States, newspapers reports.

## PENDAHULUAN

Penulisan ini bertujuan membincangkan pengaruh isu pelarian Vietnam dalam hubungan Malaysia-AS. Isu pelarian Vietnam merupakan antara isu yang penting dan kritikal dalam sejarah hubungan Malaysia-AS. Isu ini berlaku dari tahun 1975 hingga 1990-an. Kekalahan AS dalam perang Vietnam telah menyebabkan kerajaan Demokratik Vietnam Selatan dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan Komunis Vietnam Utara. Oleh itu, Malaysia telah menyalahkan kerajaan AS kerana campur tangan dalam urusan negara Vietnam menyebabkan kebanyakan rakyat Vietnam meninggalkan negara tersebut selepas kekalahan AS dalam perang Vietnam. Isu ini turut menimbulkan konflik dalam hubungan kedua-dua buah negara apabila AS mengecam dasar kerajaan Malaysia yang menolak pelarian Vietnam kembali ke laut sebagai tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Isu ini bukan sahaja dibahaskan dan dibincangkan di Kongres AS sebagai reaksi untuk mengambil tindakan ke atas dasar Malaysia yang didakwa melanggar hak asasi manusia, bahkan turut mendapat perhatian pihak surat khabar khususnya surat khabar AS. Perbincangan ini penting kerana sehingga hari ini, Malaysia masih berhadapan dengan isu pelarian dari pelbagai negara walaupun hakikatnya Malaysia tidak pernah meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951, Protokol Pelarian 1967 dan Konvensyen Pelarian 1969. Oleh itu, makalah ini ditulis bagi mengupas dan membincangkan pengaruh isu pelarian Vietnam dalam hubungan Malaysia-AS serta mengkaji peranan media khususnya laporan surat khabar dalam mencorakkan hubungan diplomatik kedua-dua buah negara.

## KAJIAN LEPAS

Walaupun terdapat banyak penulisan dan kajian yang menumpukan perbincangan mengenai hubungan Malaysia-AS, tetapi hanya sedikit penulisan yang menyentuh mengenai isu pelarian Vietnam dalam hubungan Malaysia-AS. Pamela Sodhy (1991, 2001) merupakan antara sarjana yang membincangkan mengenai isu pelarian Vietnam dalam hubungan Malaysia-AS. Dalam buku *US-Malaysia Nexus: Theme of Big and Small Country* dan monograf bertajuk *Contemporary issues in US-Malaysia Relations*. Sodhy memberi tumpuan kepada usaha Malaysia dan

AS dalam menangani kedua-dua isu tersebut. Walau bagaimanapun, Sodhy tidak menganalisis peranan laporan media yang diterbitkan oleh surat khabar mempunyai keupayaan mempengaruhi hubungan Malaysia-AS atau sebaliknya. Selain itu, S. Sothi Rachagan (1980) dalam “*Vietnamese Refugees-The ASEAN Response*” hanya memberi perhatian kepada respons negara anggota ASEAN mengenai isu pelarian Vietnam.

Selain itu, terdapat juga literatur yang dihasilkan oleh beberapa ahli sarjana yang membincangkan mengenai isu pelarian Vietnam di Malaysia tetapi tidak memfokuskan ke atas hubungan Malaysia-AS dan pengaruh media ke atas isu ini seperti Abdullah Ayoade Ahmad dan rakan-rakan (2016) “*The Refugee Crisis in Southeast Asia: The Malaysian Experience*”, Amrajit Kaur (2007) “*Refugees and Refugee Policy in Malaysia*”, Mohd Hishamudin Yunus (2017) “*Refugees, Asylum Seekers and the Law*”, Machteld Kuyper (2018) “*Return Migration to Vietnam: Monitoring the Embeddedness of Returnees*”, Jera Beah H. Lego (2012) “*Protecting and Assisting Refugees and Asylum-Seekers in Malaysia: The Role of the UNCHR, Informal Mechanisms and the ‘Humanitarian Exception’*”, Gerhard Hoffstaedter dan rakan-rakan (2017) “*Refugees, Islam, and the State: The Role of Religion in Providing Sanctuary in Malaysia*” dan Syahrul Alim Baharuddin dan Azlizan Mat Ench (2018) “*Pelarian Vietnam: Satu Isu Global dalam Sejarah Hubungan Luar Malaysia*”.

Literatur terkini dihasilkan oleh Azlinawati Ngainon dan rakan-rakan (2021) bertajuk “*Review of Media Coverage on Refugee Crises: The Case of Vietnamese Boat People (VBP) in Bidong Island*”. Mereka mendapati media memainkan peranan penting dalam membantu mempercepatkan proses penyelesaian konflik berkaitan isu pelarian Vietnam. Artikel ini turut mendapati bahawa Malaysia telah menerima bantuan antarabangsa bagi mengurus pelarian Vietnam selepas media melaporkan isu ini. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak memfokus mengenai laporan surat khabar yang turut memainkan peranan dalam mempengaruhi hubungan Malaysia-AS dalam isu pelarian Vietnam di Malaysia.

## METODOLOGI

Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah, iaitu penelitian yang dibuat ke atas data primer dan sekunder yang diperoleh daripada arkib dan perpustakaan. Data primer yang digunakan dalam tulisan ini dirujuk daripada rekod Parlimen Malaysia, rekod Kongres AS dan melalui kaedah temu bual bersama mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad (1981–2003 & 2018–2020) serta laporan surat khabar. Sementara itu, data sekunder yang digunakan dalam makalah ini merupakan kajian dan penulisan terdahulu yang telah diterbitkan dalam bentuk artikel dalam jurnal dan buku. Kritikan dalaman digunakan untuk memastikan kredibiliti data sebelum memulakan proses historiografi.

## DAPATAN KAJIAN

### Definisi Pelarian

Menurut *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR), pelarian merupakan dalam kalangan mereka yang melarikan diri daripada konflik atau penganiayaan. Mereka digelar “pelarian” kerana berada dalam keadaan bahaya yang menyebabkan mereka melarikan diri merentas sempadan negara untuk mencari perlindungan di negara-negara berhampiran. Dari aspek antarabangsa, mereka digelar “pelarian” kerana mendapat bantuan daripada negara-negara yang menerima dan memberi perlindungan sementara kerana berada dalam keadaan yang bahaya sekiranya dihantar semula ke negara asal (Adrian Edwards, 2016).

Berdasarkan pendapat Syahril dan Azlizan (2018, 3–7) istilah yang paling sesuai untuk merujuk kepada golongan pelarian Vietnam masih kurang jelas. Golongan ini disebut dalam pelbagai istilah seperti ‘pelarian’, ‘refugee’ ‘economic migrant’, ‘asylum seekers’ ‘safe heaven seekers’, ‘displaced persons’ dan juga ‘pendatang haram’. Namun, kesemua istilah yang digunakan itu secara asasnya merujuk kepada pelarian (Syahrul Alim baharuddin & Azlizan Mat Enh, 2018: 3).

Pelarian dilindungi di bawah undang-undang antarabangsa. Perlindungan yang diberikan kepada pelarian tertakluk di bawah Konvensyen Pelarian 1951, Protokol 1967 dan Konvensyen Pelarian 1969 yang merupakan asas untuk melindungi pelarian moden. Ketiga-tiga konvensyen dan protokol antarabangsa ini menggariskan beberapa hak pelarian yang harus disediakan oleh negara yang memberikan perlindungan. Prinsip asas yang telah ditetapkan dalam undang-undang antarabangsa berkaitan pelarian ialah;

- a) Mereka tidak boleh diusir atau dikembalikan kepada keadaan yang mana kehidupan dan kebebasan mereka terancam. Perlindungan yang diberikan kepada pelarian merangkumi pelbagai aspek, termasuklah aspek keselamatan, akses kepada prosedur perlindungan yang adil dan cekap;
- b) Memastikan hak asasi mereka dihormati untuk membolehkan mereka hidup dengan bermaruah dan selamat di samping membantu mereka mencari jalan penyelesaian untuk jangka masa panjang (UNHCR Protection Training Manual for European Boarder and Entry Official, hlm. 4-10).

Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia tidak meratifikasi ketiga-tiga konvensyen dan protokol ini. Oleh itu, Malaysia tidak termasuk dalam kumpulan negara yang digelar “*Home for refugees*” atau dikenali juga sebagai negara ketiga. Oleh itu, pelarian yang berada di Malaysia dikendalikan dan diproses oleh cawangan UNHCR di Malaysia.

### **Kemasukan dan Pengendalian Pelarian Vietnam di Malaysia**

Sejak tahun 1975, ramai pelarian Vietnam telah berlabuh di Malaysia khususnya di kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan dan Terengganu (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, 1979, hlm.1519). Kedatangan pelarian Vietnam di Malaysia turut menimbulkan kerisauan kerajaan Malaysia kerana jumlah mereka yang semakin meningkat. Pada masa yang sama, AS turut memohon agar kerajaan Malaysia menerima pelarian Vietnam. Malaysia menerima permohonan tersebut. Menurut Dr Mahathir Mohammad (Temu bual, 23 November 2017) Malaysia turut

merasa risau disebabkan jumlah pelarian Vietnam yang datang terlalu ramai. Malaysia turut khuatir tidak mampu menempatkan kesemua pelarian Vietnam di Malaysia.

Sikap terbuka kerajaan Malaysia telah menimbulkan keimbangan selepas lebih 13 tahun memberi perlindungan kepada pelarian Vietnam kerana jumlah mereka meningkat secara mendadak. Contohnya, pada awal tahun 1979, terdapat lebih 40 ribu orang pelarian Vietnam yang ditempatkan di Pulau Bidong dan jumlah keseluruhan mereka di Malaysia pada ketika itu melebihi 70 ribu orang. Sedar akan peningkatan yang berlaku, kerajaan Malaysia mula mengumumkan dasar menolak pelarian Vietnam kembali ke laut, terutamanya mereka yang datang menggunakan kapal laut yang besar. Tindakan Malaysia turut dibincangkan dalam Kongres AS ke-96 untuk mencari jalan penyelesaian bagi dasar penolakan oleh kerajaan Malaysia.

*Malaysia is apparently not in a position to act with any great firmness. Its naval capability is modest, and shows little potential ability to seal off the coast and block further refugee boat arrivals. Similarly, there seems to be no potentially strong bargaining position which Malaysia and the other states in the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), might collectively use in pressuring Vietnam to cut off the exodus of its Chinese population, according to Malaysia officials (Congressional Record, 1979: 11).*

Dalam perbincangan tersebut, ahli Kongres AS, Dick Clark dari Iowa yang turut menyandang jawatan sebagai Penyelaras Hal Ehwal Pelarian telah mencadangkan agar kerajaan AS meningkatkan jumlah pemindahan pelarian Vietnam kepada 7,000 orang sebulan, iaitu seramai 84,000 orang setahun. Walau bagaimanapun, AS tidak berbuat demikian kerana pada ketika itu AS turut berhadapan dengan masalah pelarian dari Haiti dan Mexico yang perlu ditangani terlebih dahulu (Congressional Record, 1979: 9).

Selain itu, isu pelarian Vietnam ini turut mencabar kesabaran kerajaan Malaysia kerana pusat perlindungan sementara yang disediakan oleh Malaysia khususnya di Pulau Bidong seolah-olah dijadikan pusat perlindungan tetap. Sebaliknya, AS yang menjanjikan penempatan

semula pelarian Vietnam tidak dilaksanakan sebaiknya. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah berusaha menangani masalah ini dengan membantu AS mengurus proses pemindahan pelarian Vietnam kerana Malaysia bimbang mengenai masalah saki-baki (*residual problem*) pelarian Vietnam yang berada di Malaysia. Antara usaha yang diambil oleh Malaysia ialah melalui pendekatan diplomasi dengan negara ketiga. Hal ini demikian kerana, untuk mengurus dan mengendalikan pelarian Vietnam merupakan beban bagi kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, AS tidak membiarkan Malaysia bersendirian mengurus pelarian Vietnam yang ditempatkan di Malaysia. Sebagai salah sebuah negara ketiga, AS telah memindahkan pelarian Vietnam dalam jumlah yang besar iaitu seramai 26,754 orang pada tahun 1979 (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, 1979: 2988-2989).

Namun, Malaysia masih meneruskan usaha-usaha diplomasi dengan mendesak negara ketiga yang lain agar terus menerima pelarian Vietnam tanpa mengamalkan dasar pemilihan yang ketat mengikut kriteria penerimaan masing-masing. Cadangan Malaysia telah disambut baik oleh kebanyakan negara ketiga seperti AS, Australia, Kanada dan Perancis untuk terus menerima dan memindahkan pelarian Vietnam dari Malaysia (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, 1979: 2988-2989). Sebagai langkah untuk menangani isu kedatangan pelarian Vietnam ke Malaysia, kerajaan Malaysia turut membuat beberapa rayuan kepada AS agar menegur kerajaan Vietnam bagi memastikan rakyatnya tidak meninggalkan negara Vietnam. Malaysia juga mendesak AS agar mempercepatkan proses memindahkan pelarian Vietnam yang berada di Malaysia. Disebabkan kegagalan AS berbuat demikian, Dr Mahathir Mohammad telah mengkritik AS kerana menjadikan Vietnam negara yang kucar-kacir sehingga memaksa rakyatnya meninggalkan negara tersebut (Congressional Record, 1979: 23-24).

### **Pengumuman Ancaman Menembak Pelarian Vietnam**

Peningkatan jumlah pelarian Vietnam menyebabkan pada bulan Jun 1979, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad telah membuat pengumuman bahawa kerajaan Malaysia akan mengambil tindakan menembak mana-mana pelarian yang berusaha untuk mendarat

di Malaysia (Johan Saravanamuttu, 2010: 68; Courtland Robinson , 1998: 52; Pamela Sodhy, 1998: 58-59). Walau bagaimanapun, Dr Mahathir (Temu bual, 23 November 2017) menjelaskan pengumuman itu telah disalah tafsir oleh pihak media. Sebaliknya, tindakan tersebut hanyalah untuk menakut-nakutkan pelarian Vietnam sebagai usaha untuk mengurangkan kedatangan mereka dan pada masa yang sama bertujuan untuk mempercepatkan proses penempatan semula. Tambahan pula, Dr Mahathir tidak menyatakan perkara tersebut dengan serius kerana beliau sedar tindakan menembak pelarian Vietnam bukan dasar kerajaan Malaysia. Kemudian, kenyataan tersebut diterangkan semula oleh Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie bahawa Dr Mahathir tidak menyatakan “*Shoot*” sebaliknya beliau menyatakan “*Shuuu*”.

Dalam isu ini didapati surat khabar *New York Times* (James T. Sterba, 25 March 1979, hlm.9) telah menerbitkan artikel bertajuk, “*Refugees face Guns at Piers of Malaysia,*” “*Vietnamese Refugees Say Malaysia Troops Sent Boat Back out to Sea,*” (23 Jun 1979: 2) “*Malaysia Put 70,000 Refugees Back out to Sea,*” (16 Jun 1979: 1) “*Malaysia Reported sent 500 refugees back to Sea*” (18 Jun 1979: 3). Manakala surat khabar *Washington Post* pula telah menerbitkan artikel bertajuk “*Malaysia Announces Plan to Expel All Vietnamese Refugees,*” oleh John Sharkey (16 Jun 1979: 1) dan “*Malaysia, in Clarification, Says It Will not Shoot Refugees*” oleh William Chapman (19 Jun 1979: 1). Disebabkan kedua-dua surat khabar ini merupakan antara sumber maklumat penting bagi ahli Kongres AS, sudah tentu laporan yang diterbitkan oleh kedua-dua surat khabar berprestij AS ini meninggalkan kesan yang mendalam ke atas kerajaan AS khususnya ahli Kongres. Hal ini jelas kerana menurut Benard C. Cohen (1963: 20), ahli Kongres bergantung kepada surat khabar untuk mendapatkan maklumat tertentu atau untuk mengikuti perkembangan sesuatu isu.

Laporan yang diterbitkan oleh surat khabar *New York Times* dan *Washington Post* telah mendorong AS memohon penjelasan daripada kerajaan Malaysia. Menurut jurucakap Jabatan Kerajaan AS, Thomas Reston, “*If the reports are accurate, the immediate result will be the death of thousands of people now on the high seas or stranded on remote islands*

*without water or medical attention.”* Pada masa yang sama, diplomat AS di Kuala Lumpur turut diarahkan untuk mendapatkan jawapan dan penjelasan daripada kerajaan Malaysia mengenai pengumuman yang dibuat oleh Dr Mahathir Mohammad (“US Seeking Clarification,” 11 November 1978: 6).

Rentetan itu, AS turut menggesa Dr Kurt Waldheim yang merupakan Setiausaha Agung PBB di New York agar memberi respon ke atas pengumuman yang dibuat oleh Dr Mahathir Mohamad melalui perutusan telegram Dewan Senat AS. Dalam telegram tersebut, Dr Kurt Waldheim yang mewakili AS memohon penjelasan daripada Perdana Menteri Malaysia mengenai laporan surat khabar bahawa Malaysia akan mengusir keluar kesemua 70,000 orang pelarian Vietnam yang berada di Malaysia. Oleh itu, Dr Kurt telah merayu agar kerajaan Malaysia memberi perlindungan sementara menanti usaha-usaha antarabangsa untuk menempatkan kesemua pelarian Vietnam yang masih berada di Malaysia (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, 1979: 2928). Ketika membalsas kiriman telegram yang dihantar oleh Dr Kurt, Perdana Menteri Malaysia, Hussein Onn memberikan penjelasan seperti berikut:

- a) Kerajaan Malaysia tidak menembak pelarian Vietnam.
- b) Malaysia tidak boleh lagi membenarkan kemasukan pelarian Vietnam.
- c) Sebarang kapal yang cuba masuk atau berlabuh akan ditunda keluar dan diberikan bantuan untuk meneruskan perjalanan mereka. Mereka yang berada di pusat-pusat penempatan akan diberi perlindungan sementara menunggu negara-negara ketiga untuk menerima mereka.
- d) Sekiranya mereka tidak diberikan jaminan oleh negara-negara ketiga untuk menerima mereka, Malaysia juga tidak akan memikul beban tersebut.
- e) Malaysia akan membuat rayuan kepada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) agar menggunakan kuasa untuk mengurangkan pelarian dari Vietnam supaya mereka tidak memburukkan lagi keadaan di negara-negara jiran (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, 1979: 2928–2929).

AS menerima penjelasan yang diberikan oleh Perdana Menteri Malaysia. Walau bagaimanapun, AS masih terus mendesak dan memohon agar kerajaan Malaysia menerima kedatangan pelarian Vietnam yang mendarat di Malaysia.

### **Kedatangan Pelarian Vietnam Tiada Penghujung**

Kebanyakan pelarian Vietnam yang datang ke Malaysia ditempatkan di Pulau Bidong. Pada bulan Mac 1989, jumlah keseluruhan pelarian Vietnam di Pulau Bidong seramai 16,000 orang. Setahun sebelum itu, jumlah pelarian Vietnam yang datang ke Malaysia berjumlah 13,300 orang. Daripada jumlah tersebut, hanya 8,700 orang sahaja yang berjaya ditempatkan semula di AS, Australia dan Kanada . Walau bagaimanapun, usaha Malaysia untuk menghantar pulang pelarian Vietnam ke negara asal mereka secara sukarela kurang mendapat sambutan (Pamela Sodhy, 1991: 416).

Disebabkan perkara tersebut, negara-negara yang menghadiri Persidangan Geneva terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu yang menyokong usaha penghantaran pulang secara sukarela seperti AS, Perancis dan Kesatuan Soviet. Hal ini kerana kerajaan Vietnam hanya bersetuju menerima rakyatnya yang kembali ke Vietnam secara sukarela sahaja. Britain pula menyokong usaha penghantaran pulang secara paksa disebabkan oleh jumlah pelarian Vietnam yang ditempatkan di kem pelarian telah mencecah 44,000 orang. Sir Geoffrey Howe wakil Britain, mendapati jumlah pendatang ekonomi semakin meningkat dan jumlah mereka lebih ramai daripada pelarian politik. Sir Howe mencadangkan agar mereka dihantar pulang secara paksa jika keadaan memaksa untuk berbuat sedemikian. Pada masa yang sama, Sir Howe dan Sir David Wilson mengkritik sikap AS dan negara lain yang menentang usaha untuk menghantar pulang pendatang ekonomi secara paksa ke negara asal mereka (“US Rapped for”, 17 Jun 1989, hlm.10).

Pendirian Malaysia masih menyokong kaedah penghantaran pulang secara paksa. Disebabkan oleh pendirian tersebut, banyak liputan dan laporan telah diterbitkan dalam surat khabar mengenai layanan yang diberikan oleh Malaysia kepada pelarian Vietnam. Pada bulan Julai, 1989

surat khabar asing khususnya *Washington Post* telah melaporkan bahawa kapal Tentera Laut Diraja Malaysia telah menolak kapal yang sarat dengan pelarian Vietnam kembali ke laut. Kebanyakan laporan surat khabar telah dipetik oleh pegawai UNHCR di Kuala Lumpur dan mendakwa dalam tempoh dua bulan pada pertengahan tahun 1989, lebih kurang 900 orang pelarian Vietnam telah ditolak kembali ke laut oleh kerajaan Malaysia (“Coping with boat”, 15 Jun 1989: 12).

Laporan media mengenai tindakan Malaysia yang menolak pelarian Vietnam kembali ke laut menyebabkan Malaysia telah mendapat kritikan daripada AS. Walau bagaimanapun, Kementerian Luar Negeri Malaysia telah menafikan bahawa kerajaan Malaysia tidak mengamalkan dasar menolak pelarian Vietnam kembali ke laut. Pada 17 Julai 1989, semasa mengadakan mesyuarat dengan UNHCR, wakil kerajaan Malaysia telah memberi jaminan kepada UNHCR bahawa Malaysia patuh dengan persetujuan yang dicapai, iaitu memberi penempatan dan perlindungan sementara kepada pelarian Vietnam seperti yang telah dipersetujui dalam *Comprehensive Plan of Action* (CPA) (“Ending of Tiresome”, 9 December 1989: 14).

Tindakan Malaysia tidak menerima pelarian Vietnam disebabkan oleh kedatangan mereka dalam jumlah yang ramai dan terus meningkat. Pada bulan Mei dan Jun 1988, sekitar 6,000 orang pelarian Vietnam telah mendarat di Malaysia, manakala dari 14 Mac 1989, iaitu bermulanya pelaksanaan tarikh pemutus hingga bulan Julai 1989, seramai 8,820 orang pelarian Vietnam telah mendarat di Malaysia. Jumlah pelarian Vietnam yang semakin ramai menyebabkan kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan untuk menghantar sebahagian daripada mereka ke Pulau Bidong, Marang dan ke kem pelarian Sungai Besi. Pada bulan Ogos 1989, di Pulau Bidong sahaja, terdapat lebih daripada 16,000 orang pelarian Vietnam, sementara di Sungai Besi terdapat seramai 6,200 orang (“Navigating Boat People”, 6 September 1989: 12).

Isu pelarian Vietnam telah menyebabkan hubungan diplomatik Malaysia-AS pada waktu itu berada dalam keadaan tegang dan dijadikan sebagai isu yang hangat dibincangkan dan perdebatkan dalam hubungan kedua-dua buah negara. Ketika lawatan 12 jam Naib Presiden AS, Dan

Quayle pada akhir bulan September 1989, jadual lawatan ke kem pelarian di Sungai Besi telah dimasukkan dalam agenda lawatan beliau walaupun jadual lawatan tersebut begitu singkat. Semasa lawatan tersebut, Quayle telah menyampaikan sijil kepada pelarian Vietnam yang telah menyiapkan kursus kebudayaan Amerika di bawah kelolaan Pegawai Perihal Pelarian AS. Selain itu, Quayle juga menyatakan AS menyokong cadangan Malaysia untuk menapis pelarian Vietnam. Beliau turut bersetuju masalah tersebut dapat dikurangkan sekiranya berlaku perubahan positif dalam pembangunan ekonomi Vietnam, namun masih tidak bersetuju dengan hasrat kerajaan Malaysia menghantar pulang pelarian Vietnam secara paksa ke negara asal mereka (“Quayle says talks”, 29 Julai 1989: 2). Tindakan Malaysia menggesa agar jadual lawatan Quayle dimasukkan bertujuan untuk membuktikan layanan baik Malaysia terhadap pelarian Vietnam.

Pada masa yang sama, duta baharu AS ke Malaysia, Paul Matthews Cleveland juga menyatakan bahawa isu pelarian Vietnam merupakan antara isu yang dipandang serius dan diberi keutamaan dalam hubungan Malaysia-AS. Sehingga bulan Januari 1990, usaha untuk menghantar pulang pelarian Vietnam ke negara asal mereka tidak berjalan lancar disebabkan hanya 33 orang sahaja yang bersetuju untuk dihantar pulang secara sukarela (“Third batch of”, 15 Mac 1990: 1). Isu pelarian Vietnam yang tidak berpenghujung memberi kesan negatif ke atas hubungan Malaysia-AS yang dilihat mampu meningkatkan ketegangan. Bagi Malaysia, AS sangat memainkan peranan penting untuk menyelesaikan masalah tersebut disebabkan oleh campur tangan dan kekalahan AS dalam Perang Vietnam (Sodhy, 1991: 423).

### **AS Menggantung Bantuan Ketenteraan kepada Malaysia**

Hubungan Malaysia-AS semakin tegang apabila kerajaan Malaysia mengambil keputusan menutup pintu dan menolak pelarian Vietnam selepas bersetuju untuk menetapkan tarikh pemutus iaitu pada 14 Mac 1989. Tindakan Malaysia ini sekali lagi mendapat perhatian surat khabar dan ahli Kongres AS. Malaysia bertindak sedemikian kerana percaya bahawa kebanyakan rakyat Vietnam yang datang ke Malaysia merupakan pendatang ekonomi dan bukannya pelarian politik. Pada bulan Oktober

1990, pihak Kongres AS mengambil keputusan untuk menyekat geran bantuan ketenteraan kepada Malaysia di bawah Akta Bantuan Luar bagi fiskal tahun 1991 hingga 1993. Menurut Pamela Sodhy, keputusan ini dibuat selepas ahli Kongres, Senator Mark Hatfield dari Oregon menuduh Malaysia melanggar hak asasi manusia dengan menghalang kedatangan pelarian Vietnam ke Malaysia (Sodhy, 1991: 423).

Walau bagaimanapun, dalam rekod Kongres (1987: 814), Mark Hatfield bukanlah satu-satunya ahli Kongres yang memperkenalkan resolusi tersebut. Hal ini kerana terdapat beberapa ahli Kongres lain yang memperkenalkan dan menyokong resolusi menggantung bantuan ketenteraan kepada Malaysia. Tambahan pula, Mark Hatfield hanya mencadangkan untuk melaksanakan *Indochinese Refugee Resettlement and Protection Act* pada tahun 1987. Dalam cadangan tersebut, Hatfield menekankan usaha AS untuk meningkatkan kawalan keselamatan di kem penempatan sementara pelarian Vietnam di Asia Tenggara. Namun, Hatfield tidak menyentuh sikap Malaysia terhadap pelarian Vietnam. Walau bagaimanapun, perkara tersebut ditekankan dalam surat yang ditulis oleh Hatfield dan Sam Gibson dari Florida kepada Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad seperti yang dilaporkan oleh *Washington Post* bertajuk “*Push Out of the Sea by Malaysia*” oleh Lionel A. Rosenblatt (22 May 1990: A6). Menurut Hatfield dan Gibson:

*In the past 15 years the Vietnamese refugees have established one of the most prosperous and distinguished communities in America. We cannot abide the continued denial of asylum and pushing into the open seas of the relatives and friends of our Vietnamese American population (“Push out to”, 22 May 1990: A6).*

Antara ahli Kongres lain yang mencadangkan dan menyokong resolusi untuk menyekat bantuan ekonomi dan ketenteraan kepada Malaysia termasuklah David Timothy Dreier dari daerah ke-26 California, Chester Greenough Atkins dari daerah ke-5 Massachusetts, Charles Wilson dari daerah ke-2 Texas, Hamilton Fish Jr dari New York dan Duncan Lee Hunter dari daerah ke-52 California. Pada 21 Jun 1990, Charles Wilson dari daerah ke-2 Texas telah membentangkan usul mengenai tindakan Malaysia menolak seramai 8 000 orang pelarian Vietnam ke Malaysia.

*The Government of Malaysia recently turned away nearly eight thousand Vietnamese civilians who were seeking refuge from the oppression of their native government (“Push out to”, 22 May 1990: A6).*

Semasa persidangan kongres berlangsung, Charles Wilson mencadangkan agar semua negara yang menyediakan kem perlindungan sementara, termasuk Malaysia perlu menerima kesemua pelarian Vietnam sehingga keadaan politik di Vietnam kembali pulih. Dalam persidangan yang sama, Hamilton Fish Jr. telah menyokong Wilson dengan menyatakan bahawa Malaysia dengan kejamnya menolak pelarian Vietnam kembali ke laut.

*Whereas the anxiety and disarray over this matter in the region have led Malaysia to wantonly and cruelly send in excess of 8,000 newly arriving Vietnamese back out to sea, possibly to their death and has led Hong Kong to house asylum seekers in substandard refugee camps (Congressional Record, 1989-1990).*

Pada 27 Jun 1990, ahli Kongres David Timothy Dreier telah mencadangkan resolusi agar rakyat AS yang ingin melancong dan ahli perniagaan yang berhasrat melabur di Malaysia harus mempertimbangkan dasar tidak berperikemanusiaan kerajaan Malaysia yang menolak semula pelarian Vietnam kembali ke laut sehingga menyebabkan kematian. Selain itu, Dreier turut mendesak Presiden AS agar mengambil tindakan tegas kepada Malaysia. Dreier sekali lagi menekankan bahawa membantu pelarian Vietnam merupakan tanggungjawab sejagat. Tindakan Malaysia juga dikatakan telah membebangkan kerajaan Indonesia kerana selepas menolak pelarian Vietnam kembali ke laut, kebanyakan mereka telah menuju dan mendarat di Indonesia (*Congressional Record*, 1989-1990).

Berdasarkan ucapan Dreier, didapati tindakan beliau mencadangkan resolusi telah dipetik daripada laporan surat khabar yang diterbitkan oleh *Washington Post* kerana ucapan Dreier selari dengan artikel bertajuk “*Push out to the sea by Malaysia*” oleh Lionel A. Rosenblatt.

*Thousands of people are being pushed out to sea by Malaysia, a country that has in the past given temporary refuge to more than 250,000 boat people. At last count, 6,577 Vietnamese asylum seekers had been forced back to sea in the past 10 months by*

*Malaysian authorities... those who survived the forced voyage to find refuge in Indonesia. No one can say how many others pushed off by Malaysia will never be heard from again. The situation is now extremely grave.* (“Push out to”, 22 May 1990: A6).

Seiring dengan ucapan tersebut, Dreier telah mencadangkan tindakan yang perlu diambil sebagai respons ke atas dasar penolakan Malaysia terhadap pelarian Vietnam seperti berikut:

- a) *Expresses its strong disapproval of Malaysia’s denial of first asylum to Indochinese refugees.*
- b) *Urges United States citizens to consider such actions by Malaysia when making business or travel related decisions.*
- c) *Warmly welcomes the cooperation of the Government of Indonesia to provide asylum to those refugees who have been turned away from Malaysia and urges the President to make available resources that might assist the Government of Indonesia in bearing this additional burden.*
- d) *Urges the President to consider additional measures to communicate United States concern on this issue to the Government of Malaysia or other nations that deny first asylum to Indochinese refugees (Congressional Record, 1989-1990).*

Perbincangan dan perdebatan mengenai dasar penolakan Malaysia terhadap pelarian Vietnam telah membawa kepada resolusi menyekat bantuan kemanusiaan, ekonomi dan ketenteraan AS kepada Malaysia melalui resolusi H.R. 5281 bertajuk “*To restrict United States humanitarian, economic, and military assistance to Malaysia.*” Resolusi tersebut kemudiannya dipersejuaui dan diluluskan oleh Kongres AS. Berdasarkan rekod Kongres AS (*Congressional Record*, 1989-1990), resolusi ini telah dicadangkan oleh Duncan Lee Hunter sebagai sokongan kepada cadangan Dreier dan ahli Kongres yang lain. Resolusi ini juga merupakan respons kepada kerajaan Malaysia kerana didakwa melanggar persetujuan antarabangsa dan melaksanakan dasar tidak berperikemanusiaan kepada pelarian Vietnam yang dianggap melanggar prinsip hak asasi manusia (*Congressional Record*, 1989-1990).

Artikel yang diterbitkan oleh *Washington Post* didapati merupakan antara sumber penting yang turut mendorong Harkin memperkenalkan resolusi “*To restrict United States humanitarian, economic, and military assistance to Malaysia.*” Perkara ini jelas apabila Harkin menyebut mengenai tindakan Malaysia yang telah menolak ramai pelarian Vietnam yang cuba mendarat ke Malaysia telah mencecah jumlah 8,300 orang. Menurut beliau lagi, terdapat pelarian yang ditolak semula ke laut telah lemas dan meninggal dunia. Tindakan ini dikatakan tidak berperikemanusiaan dan tidak menyokong prinsip hak asasi manusia yang dilaungkan oleh AS.

*Thousands of people are being pushed out to sea by Malaysia, a country that has in the past given temporary refuge... No one can say how many others pushed off by Malaysia will never be heard from again. Another man and a woman died before a Greek merchant ship rescued the refugees. The survivors were in very weak condition, and two more women died after rescue, both leaving small children.... The message to Prime Minister Mahathir from around the world should be the one increasingly voiced in Congress (Congressional Record, 1989-1990).*

Keputusan menyekat bantuan ketenteraan kepada Malaysia bukan sahaja disebabkan cadangan resolusi oleh ahli Kongres, tetapi turut disokong melalui laporan Kongres bertajuk “*The Refugee Dilemma in Europe and Asia and The United States Response.*” Laporan tersebut telah memetik kenyataan Tan Sri Ghazali Shafie yang diterbitkan oleh surat khabar *New Straits Times* yang mengesahkan tindakan Malaysia menolak pelarian Vietnam kembali ke laut. Berdasarkan laporan tersebut, “*By June to September 1989, Minister of Interior Tan Sri Ghazali told the New Straits Times, Malaysia had pushed back 40,529 boat people*” (*Congressional Record*, 1990: 12). Kenyataan ini digunakan sebagai fakta kes untuk meraih sokongan agar resolusi yang dicadangkan untuk menggantung bantuan ketenteraan AS ke atas Malaysia diluluskan oleh Kongres. Dalam isu ini, laporan surat khabar *Washington Post* memainkan peranan sebagai pendorong kepada ahli Kongres kerana jelas dalam ucapan mereka telah menggunakan laporan surat khabar tersebut sebagai fakta kes untuk mencadangkan resolusi bagi menentang kerajaan Malaysia.

Akibat daripada keputusan yang dibuat oleh Kongres AS menyekat bantuan ketenteraan kepada Malaysia. Kerajaan Malaysia telah menunjukkan reaksi negatif terhadap keputusan tersebut khususnya Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad telah mendakwa AS sebagai ‘economic arm-twisting’ dan bersikap hipokrit. *‘We have to look after our own interests just as they (American) prevent people such as Mexicans and Haitians from entering the country* (Tun Dr Mahathir Mohammad, temu bual, 23 November 2017). Sekatan bantuan ketenteraan AS kepada Malaysia dapat dilihat berdasarkan Jadual 1 berikut:

**Jadual 1**  
*Bantuan ketenteraan AS kepada Malaysia dari 1990-1995.*

Tahun	Jumlah Bantuan \$ (Juta)
1990	1.54
1991	-
1992	-
1993	-
1994	467,294
1995	725,234

Sumber: Congress Urged to Restored Aid to KL (*New Straits Times*, 29 Oktober 1993: 1).

Berdasarkan Jadual 1, didapati dari tahun 1991 hingga 1993, AS telah menyekat bantuan ketenteraan ke atas Malaysia. Walau bagaimanapun, pada tahun 1994 AS kemudiannya menyalurkan semula bantuan ketenteraan kepada Malaysia kerana kesukaran untuk menjaga kepentingannya di Asia Tenggara khususnya dalam aspek pertahanan (“Congress urged to”, 29 Oktober 1993: 1).

Pada waktu itu, Duta Besar AS ke Malaysia, Paul Cleveland telah berusaha untuk menyelesaikan masalah antara kedua-dua buah negara secara diplomasi dengan menyatakan bahawa Presiden George H Bush tidak gembira dengan keputusan yang dibuat oleh Kongres menyekat bantuan ketenteraan kepada Malaysia. Pada masa yang sama, AS juga cuba untuk mencari jalan penyelesaian yang lebih sesuai. Cleveland mengakui, walaupun jumlah bantuan tersebut agak kecil, namun ia merupakan simbolik yang menggambarkan wujudnya hubungan erat antara Malaysia dengan AS (“Congress urged to”, 29 Oktober 1993: 1).

Di pihak Malaysia, Dr Mahathir telah mengkritik AS yang mengamalkan sikap berat sebelah terhadap pendatang dari Mexico dan Haiti. Kritikan itu disuarakan kerana AS telah menghantar pulang pendatang Mexico dan Haiti ke negara asal mereka secara paksa (“Hosting boat people”, 25 May 1996: 10). Selain itu, terdapat rakyat AS dan beberapa buah negara seperti Britain turut menentang dan mengkritik sikap kerajaan AS terhadap pelarian Haiti. Menurut Peter Viggo Jakobsen, Presiden AS cuba menggunakan media untuk mempengaruhi rakyatnya dan menyokong dasarnya terhadap pelarian Haiti, namun pihak media enggan campur tangan dalam perkara tersebut kerana pihak media juga tidak bersetuju dengan dasar AS menghantar pulang pendatang Haiti secara paksa (Peter Viggo Jakobsen, 1998: 123-124). Sebaliknya, media AS memberi lebih tumpuan ke atas layanan Malaysia ke atas pelarian Vietnam. Menurut Tun Dr Mahathir (temu bual, 23 November 2017) media AS pada ketika itu cenderung melaporkan perkara yang tidak baik mengenai Malaysia kerana Malaysia sering mengkritik dasar AS. Laporan memburuk-burukkan dan menuduh Malaysia melanggar hak asasi manusia mempunyai kaitan dengan dasar kedua-dua surat khabar AS tersebut iaitu tidak mesra terhadap Malaysia. Hal ini demikian kerana, Malaysia tidak seperti negara Asia Tenggara lain yang menyatakan sokongan mereka kepada AS secara terbuka. Oleh itu, surat khabar *New York Times* dan *Washington Post* tidak melaporkan perkara yang baik terhadap dasar-dasar dan situasi sebenar yang berlaku di Malaysia.

### **Kemuncak Ketegangan Hubungan Malaysia-AS**

Pada pertengahan tahun 1990-an, hubungan tegang antara kedua-dua buah negara mencapai tahap kritis apabila Presiden George H Bush mengutus surat kepada Perdana Menteri Malaysia untuk memohon agar kerajaan Malaysia menerima dan memberi perlindungan sementara kepada pelarian Vietnam. Dr Mahathir memberi maklum balas terhadap permohonan tersebut semasa persidangan media dan menyatakan bahawa selama 15 tahun Malaysia telah memberikan perlindungan kepada lebih 250,000 orang pelarian Vietnam dan usaha Malaysia dilihat sudah mencukupi (Tun Dr Mahathir Mohammad, temu bual, 23 November 2017).

Menurut Dr Mahathir (temu bual, 23 November 2017), Malaysia merupakan negara kecil dengan populasi seramai 17 juta orang, manakala AS merupakan negara besar dan tindakan mengambil kesemua pelarian Vietnam tidak akan membawa sebarang perubahan negatif kepada negara tersebut. Disebabkan tidak berpuas hati dengan tindakan AS, Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengkritik AS dan menyatakan bahawa semua masalah ini dicetuskan oleh AS sendiri kerana campur tangan dalam perang Vietnam. Akibatnya, Malaysia terpaksa menanggung beban disebabkan masalah yang berpunca daripada sikap AS tersebut (Abdullah Ahmad, 2008: 168-170). Hal ini memperlihatkan kritikan AS mengenai dasar Malaysia telah menimbulkan ketegangan dalam hubungan Malaysia-AS apabila Malaysia merasa tidak puas hati dengan tindakan tersebut.

Selain sekatan bantuan ketenteraan oleh AS, laporan surat khabar turut memainkan peranan meningkatkan konflik dalam hubungan kedua-dua buah negara apabila melaporkan kenyataan yang dikeluarkan oleh jururcakap Jabatan Negara AS, Margaret Tutwiler bahawa Malaysia telah menolak semula pelarian Vietnam kembali ke laut. Tindakan tersebut telah menyebabkan kematian empat orang pelarian Vietnam pada tahun 1989. Kenyataan itu telah mendorong Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba mengkritik perbuatan AS apabila menggunakan media antarabangsa sebagai kempen menentang Malaysia mengenai isu pelarian Vietnam (“Refugees Problem Viets”, 25 Julai 1990: 7).

Kerajaan Malaysia bersikap defensif ke atas tuduhan mengenai isu pelarian Vietnam. Menurut Datuk Dr Yusof Noor, iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, laporan surat khabar asing yang melaporkan mengenai pelarian Vietnam yang ditempatkan di Pulau Bidong sebenarnya tidak dilayan seperti hamba seperti yang dilaporkan oleh surat khabar AS. Semua keperluan asas seperti makanan dan lain-lain keperluan adalah mencukupi. Di samping itu, pelarian Vietnam turut diberikan latihan dengan pelbagai kemahiran sebagai sebahagian daripada pendidikan asas sebelum dipindahkan ke negara ketiga yang memilih mereka (“Refugees Problem Viets”, 25 Julai 1990: 7).

Bagi membuktikan bahawa Malaysia memberi layanan yang sewajarnya kepada pelarian Vietnam, pada 1 Jun 1990, Datuk Dr Yusof Noor telah melawat kem penempatan sementara khususnya Pulau Bidong. Beliau juga telah memberikan kebenaran kepada pihak media untuk membantu beliau semasa sesi lawatan tersebut. Buat pertama kalinya pihak media dijemput sejak pulau tersebut dijadikan sebagai kawasan larangan untuk dilawati. Pada waktu itu, terdapat lebih 13, 249 pelarian Vietnam yang ditempatkan dalam 60 buah rumah panjang yang dibahagikan kepada 6 zon yang mana setiap zon mempunyai aktiviti tersendiri (“No Policy to”, 28 Jun 1990: 5).

Sementara itu, Menteri Luar Malaysia, Datuk Abu Hassan Omar telah menyalahkan kedua-dua buah negara, iaitu AS dan Vietnam mengenai isu pelarian Vietnam yang menimpa Malaysia. Menurut beliau, tentang AS terhadap usaha menghantar pulang pelarian Vietnam yang tidak layak digelar sebagai pelarian politik telah menggalakkan sikap degil Vietnam bagi menyokong usaha tersebut (“Refugees Problem Viets”, 25 Julai 1990: 7). Dalam pada itu, Datuk Fadzil Che Wan, Timbalan Menteri Luar meneruskan usaha untuk menjelaskan keadaan sebenar pelarian Vietnam di Malaysia bagi menjaga nama baik Malaysia di peringkat antarabangsa (“No Policy to”, 28 Jun 1990: 5).

### **Peranan Laporan Surat Khabar**

Media memainkan pelbagai peranan dalam melaporkan sesuatu isu. Dalam isu pelarian Vietnam, Azlinawati dan rakan-rakan (2001: 129) mendapati media memainkan peranan penting dalam membantu mempercepat proses penyelesaian konflik pelarian Vietnam. Walau bagaimanapun, dapatkan kajian ini berbeza kerana lebih memfokus terhadap pengaruh pelarian Vietnam di Malaysia ke atas hubungan Malaysia–AS.

Media khususnya laporan surat khabar didapati memainkan peranan sebagai sumber maklumat penting dan pendorong kepada ahli Kongres AS untuk mencadangkan sesuatu resolusi khususnya yang berkaitan dengan layanan Malaysia ke atas pelarian Vietnam. Perkara ini dapat dibuktikan apabila laporan surat khabar Washington Post bertajuk “*Push Out of the*

*Sea by Malaysia*” oleh Lionel A. Rosenblatt (22 May 1990: A6) telah digunakan sebagai maklumat dan fakta kes bagi mencadangkan dan menyokong resolusi “*To restrict United States humanitarian, economic, and military assistance to Malaysia*” (*Congressional Record*, 1989-1990).

Dapatan kajian ini selari dengan hujah Benard C. Cohen (*Press and Foreign Policy*, 1963: 9) bahawa surat khabar seperti *New York Times* dan *Washington Post* merupakan sumber maklumat penting kepada pegawai, ahli Senat dan ahli Kongres untuk mendapatkan fakta dan untuk mengikuti perkembangan mengenai sesuatu isu, sama ada isu domestik mahupun antarabangsa. Kebergantungan ahli Kongres ke atas kedua-dua surat khabar AS ini menyebabkan Cohen menyimpulkan hubungan antara ahli Kongres dan kedua-dua surat khabar ini saling bergantung antara satu dengan yang lain atau dikenali juga sebagai “simbiosis.”

Selain itu, surat khabar *New Straits Times* turut digunakan sebagai fakta kes kepada laporan Kongres bertajuk “*The Refugee Dilemma in Europe and Asia and The United States Response*” yang melaporkan mengenai tindakan Malaysia menolak pelarian Vietnam kembali ke laut berjumlah 40, 529 orang (*Congressional Record*, 1990: 12). Oleh itu, peranan laporan surat khabar sebagai pendorong, sumber maklumat penting dan digunakan sebagai fakta kes oleh ahli Kongress AS didapati telah mempengaruhi hubungan Malaysia-AS dalam isu pelarian Veitnam.

## KESIMPULAN

Isu pelarian Vietnam telah mempengaruhi hubungan Malaysia-AS melalui perubahan yang berlaku dalam hubungan kedua-dua buah negara. Perkara ini dilihat apabila AS mengambil tindakan menggantung bantuan ketenteraan kepada Malaysia. Hubungan tegang kedua-dua buah negara turut dipengaruhi oleh peranan laporan surat khabar sebagai pendorong, sumber maklumat penting dan fakta kes khususnya surat khabar antarabangsa, *Washington Post* yang melaporkan tentang layanan buruk oleh Malaysia terhadap pelarian Vietnam sehingga menyebabkan Malaysia dikritik serta dikecam oleh AS. Surat khabar *New Straits Times* turut digunakan sebagai fakta kes bagi menyokong laporan berkenaan layanan

buruk Malaysia terhadap pelarian Vietnam. Walaupun Malaysia berusaha menafikan perkara tersebut, tetapi penafian Malaysia tidak berjaya menghentikan kritikan dan kecaman daripada ahli Kongres AS. Hubungan tegang Malaysia-AS dalam isu pelarian Vietnam juga disebabkan oleh kedegilan pihak AS menerima penjelasan oleh Malaysia. Oleh itu, kerajaan Malaysia harus mengambil langkah berhati-hati dalam mengendalikan dan mengurus pelarian yang berada di Malaysia agar pihak media tidak mengambil kesempatan melaporkan perkara yang tidak sewajarnya bagi menjaga nama baik Malaysia dan mengelak konflik dengan negara lain di masa hadapan.

## RUJUKAN

- Abdullah Ahmad. (2008). *Dr Mahathir's selected letters to world leaders* (Vol.1). Singapore: Marshall Cavendish Editions.
- Abdullah Ayoade Ahmad, Zulkanain Abdul Rahim & Abdul Majid Hafiz bin Mohammed. (2016). The refugee crisis in Southeast Asia: The Malaysian experience. *International Journal of Novel Research in Humanity and Social Sciences*, 3(6), 80- 90.<https://www.noveltyjournals.com/issue/IJNRHSS/Issue-6-November-2016- December-2016>
- Azlinawati Ngainon, Ahmad Md. Redzuan, Mohd Fadly Khamis & Mohd Farizi Jamaluddin. (2001). Review of media coverage on refugees crises: The case of Vietnamese refugees. *Journal of Media and Information Warfare*, 13(2), 129-138. <https://jmiw.uitm.edu.my/images/Journal/Vol14No2/9-Review-of-Media-Coverage-on-Refugee-Crises-The-Case-of-Vietnamese-Boat-People-VBP-in-Bidong-Island.pdf>
- Carriere, A. (2016). *History and legacy of refugee resettlement in Ottawa: A primer*. Ottawa Local Immigration Partnership.
- Chapman, W. (19 Jun 1979) Malaysia in Clarification, says it will not shoot Refugees. *New York Times*. 19 Jun 1979, 1.
- Cohen, B. C. (1963). *The press and foreign policy*. Princeton University Press.
- Congressional Record. (1989-1990). Res. 302 - *A resolution relating to Asylum Rights for*
- Congressional Record. (1990). *The refugee report: A news service of the U.S Committee for refugees*. Subcommittee on International Operations of the Committee on Foreign Affairs House of Representatives. U.S Government Printing Office.
- Congressional Record. (1979). *The Indochina Refugee Situation*. Report of a Study Mission of the US House of Representative. House Committee on Foreign Affairs. U.S Government Printing Office.

- Congressional Record. (1987). *Indochina Refugee Resettlement and Protection Act of 1987*. Subcommittee on Immigration and Refugee Affairs. U.S Government Printing Office.
- Congressional Record. (1989). *Urging first asylum countries of the Association of Southeast Asia Nations (ASEAN) to reinstate the practice of providing refuge to all asylum-seekers from Vietnam, and for other purposes*. House of Foreign Affairs. U.S Government Printing Office.
- Congressional Record. (3-24 May 1979). *Refugees and International Law of the Committee on the Judiciary House of Representatives*. Subcommittee on Immigration. U.S Government Printing Office.
- Congressional Record. (1989-1990). 101<sup>st</sup> Congress, *H.R.5281- To restrict United States humanitarian, economic, and military assistance to Malaysia, House – Foreign Affairs, Banking, Finance, and Urban Affairs: Ways and Means*. U.S Government Printing Office. <http://www.congress.com>
- Congress Urged to Restored Aid to KL. (29 Oktober 1993). *New Straits Times*, 1.
- Dryden-Peterson, S. (2016). Refugee education: Breaking open the black box of pre-resettlement experiences. *Journal of Theory and Research in Education*, 14(2), 131- 148. <https://doi.org/10.1177%2F1477878515622703>
- Edward, A. (11 Julai 2016). *UNHCR Viewpoint: “Refugee” or ‘migrant’-Which is Right?”* <http://www.unchr.org>.
- Francis, A., & Maguire, R (Ed.). (2016). *Protection of refugees and displaced persons in the Asia Pacific region*. Routledge.
- Hoffstaedter, G. (2017). Refugees, Islam, and the state: The role of religion in providing sanctuary in Malaysia. *Journal of Immigrant & Refugee Studies*, 15(3), 287-304. <https://doi.org/10.1080/15562948.2017.1302033>
- Jakobsen, P. V. (1998). *Western use of co-ercitive diplomacy after the Cold War: A challenge for theory and practice*. Macmillan.
- Jakobsen, P. V. (2000). Focus on the CNN effect misses the point: The real media impact on conflict management is invisible and indirect. *Journal of Peace Research*, 37(2), 131-143.
- Kaur, A. (2007). Refugees and refugee policy in Malaysia. *UNEAC Asia Papers*, 18, 77-90.
- Kuyper, M. (2008). *Return migration to Vietnam: Monitoring the embeddedness of returnees*. University Van Amsterdam Press.
- Lego, J. B. H. (2012). Protecting and assisting refugees and asylum-seekers in Malaysia: The role of the UNCHR, informal mechanisms and the ‘humanitarian exception’. *Journal of Political Science and Sociology*, 17, 75-99.
- Malaysia Pushes 70,000 Refugees back out to Sea. (16 Jun 1979). *New York Times*, 1.
- Malaysia Reported sent 500 refugees back to Sea. (18 Jun 1979). *New York Times*, 3.
- Mohd Hishamudin Yunus. (April 2017). Refugees, Asylum Seekers and the Law. *LegalHerald*.[https://www.lh-ag.com/wp-content/uploads/2017/04/5\\_Refugees-Asylum- Seekers-and-the-Law.pdf](https://www.lh-ag.com/wp-content/uploads/2017/04/5_Refugees-Asylum- Seekers-and-the-Law.pdf)

- Navigating Boat People away from third world. (6 September 1989). *New Straits Times*, 12.
- 9000 Viets here since March 14. (21 Julai 1989). *New Straits Times*, 1.
- No Policy to turn back Viets by force. (28 Jun 1990). *New Straits Times*, 5.
- Penyata Rasmi Parlimen. (1979). *Pelarian Dari Indo-China*. Dewan Negara.
- Penyata Rasmi Parlimen. (1979). *Pelarian Dari Indo-China*. Dewan Negara.
- Penyata Rasmi Parlimen. (1979). *Pendatang Haram Vietnam*. Dewan Negara.
- Penyata Rasmi Parlimen. (1979). *Pendatang Haram Vietnam*. Dewan Negara.
- Quayle says talks lively. (29 Julai 1989). *New Straits Times*, 2.
- Rachagan, S.S. (1980). Vietnamese refugees-The ASEAN response. Dlm. K. K Nair & C. Jeshurun (Eds.), *Southeast Asia and the Great Power* (hlm.97-110). Kuala Lumpur: Malaysian Economic Association.
- Refugee problem Viets, US blamed. (25 Julai 1990). *New Strait Times*, 7.
- Refugees from Vietnam.*” Senate-Foreign Relations. 1989-1990. US Government Printing Office. [www.congress.gov](http://www.congress.gov)
- Robinson, C. (1988). *Terms of refugee: The Indochinese exodus & the international response*. Zed Books Ltd.
- Rosenblatt, A. L. (22 May 1990). Push out of the sea by Malaysia. *Washington Post*, A6.
- Saravananuttu, J. (2010). *Malaysia's foreign policy, the first fifty years: Alignment, neutralism and Islamism*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Sharkey, J. (16 Jun 1979). Malaysia Announces Plan to Expel All Vietnamese Refugees, *New York Times*, 1.
- Shivadas, P. C. (25 May 1996). Hosting boat people for 15 years is enough. *New Straits Times*, 10.
- Sodhy , P. (1991). *US-Malaysia Nexus: Theme of Big and Small Country*. Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies (ISIS).
- Sodhy, P. (1988). *Contemporary Issues in United States-Malaysian Relations* [Paper Presentation]. 5<sup>th</sup> Tamkang American Studies Conference on United States Asian Foreign Policy: Learning from History, prospects for the future.
- Sterba, J. T. (25 Mac 1979). Refugees face Guns at Piers of Malaysia. *New York Times*, 9.
- Syahrul Alim Baharuddin & Azlizan Mat Enh. (2018). Pelarian Vietnam: Satu Isu Global dalam Sejarah Hubungan Luar Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1), 1-18. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp1-18>
- Third batch of boat people to return home tomorrow. (15 Mac 1990). *New Straits Times*.
- UNHCR Protection Training Manual for European Boarder and Entry Official.  
<https://www.unhcr.org/4d944c319.pdf>
- US May accept more Viet Refugees. (30 Januari 1978). *New Straits Times*, 9.
- US Foreign Assistance to Malaysia. [www.us-foreign-aid-insidegov.com](http://www.us-foreign-aid-insidegov.com) US Seeking Clarification. (15 Jun 1976). *New York Times*, 1.

US Should Review Policy on Refugees. (1 November 1990). *New Straits Times*, 9.  
US team to study our expectation: Congressmen also to seek views on U.S role in region. (16 Januari 1978). *New Straits Times*, 11.

US rapped for its stand on refugees. (17 Jun 1989). *New Straits Times*, 10.

Vietnamese Refugees Say Malaysia Troops Sent Boat Back out to Sea. (23 Jun 1979). *New York Times*, 2.

Viets Illegals well treated, says Minister. (5 Jun 1990). *New Straits Times*, 8.

**ASZLAN SELAMAT** (Ph.D) memperoleh Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Malaya (UM) dalam bidang Sejarah Antarabangsa Hubungan Malaysia-Amerika Syarikat. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Centre of Foundation Studies, Wawasan Open University. Kajian dan penerbitan beliau banyak menumpukan sejarah hubungan Malaysia-Amerika Syarikat dalam aspek politik, keselamatan, ekonomi dan sosial khususnya pasca kemerdekaan Malaysia. Beliau turut menumpukan kajian mengenai peranan dan pengaruh media khususnya laporan surat khabar dalam mencorakkan hubungan Malaysia-Amerika Syarikat.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa

(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)